

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 Mac 2017

SOALAN

Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh mana Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat atau MAYANG masih berfungsi dan berapakah peruntukan yang telah disalurkan kepada badan tersebut setiap tahun.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui kertas Jemaah Menteri bertarikh 13 Julai 2005 telah mengambil inisiatif menubuhkan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (MAYANG) Kawasan Parlimen di seluruh negara. Penubuhan MAYANG adalah satu usaha reaching out to the community oleh KPWKM untuk menggembelngkan semua pihak di peringkat akar umbi khususnya pemimpin tempatan dan masyarakat setempat dalam usaha menangani isu-isu berkaitan kebajikan dan pembangunan masyarakat. Fungsi MAYANG adalah seperti berikut: 1.1 Membantu pihak Kerajaan dalam mengenalpasti isu kebajikan dan pembangunan masyarakat di peringkat kawasan Parlimen serta mencadangkan tindakan penyelesaiannya; 1.2 Membantu pihak Kerajaan mempercepatkan proses penyampaian bantuan kepada mereka yang memerlukan di peringkat Kawasan Parlimen melalui Bantuan Segera Persekutuan Kawasan Parlimen (BSKP); 1.3 Memberi nasihat mengenai program-program kebajikan dan pembangunan masyarakat serta program pencegahan, intervensi awal dan pemulihan yang perlu diberikan keutamaan; 1.4 Bertindak sebagai pakar rujuk dalam bidang kebajikan dan pembangunan masyarakat di peringkat kawasan Parlimen; 1.5 Menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan program dan aktiviti mengikut perancangan yang ditetapkan di kawasan Parlimen; 1.6 Membantu mengembelng NGOs, sektor korporat dan swasta untuk bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi menjayakan program aktiviti yang telah dikenalpasti; dan 1.7 Bertukar dan berkongsi maklumat serta idea di antara ahli Jawatankuasa MAYANG dengan kawasan Parlimen lain. Bagi memastikan Ahli Parlimen dan pemimpin tempatan yang dilantik dapat membantu JKM menangani isu kebajikan dan membantu klien dengan serta merta, sejumlah peruntukan telah disalurkan di bawah peruntukan Bantuan Segera Kawasan Parlimen (BSKP) berjumlah RM50,000 dan RM20,000 setahun mengikut kawasan Parlimen tertentu. Penyaluran peruntukan ini adalah selaras dengan kelulusan kertas Jemaah Menteri pada 20 Oktober 2004 dengan menggunakan peruntukan tahunan JKM di bawah OS 071200 (Bantuan Lain-Lain). Peruntukan tersebut boleh digunakan bagi pemberian sekaligus (one-off) oleh Pengerusi MAYANG bagi tujuan berikut:- 3.1. Bantuan kepada pesakit kronik – kadar maksimum RM500.00; 3.2. Mangsa bencana / kemalangan – kadar maksimum RM200.00; 3.3. Kematian – kadar maksimum RM300.00; 3.4. Terdampar – kadar maksimum RM200.00; 3.5. Membaiki rumah akibat bencana alam – kadar maksimum RM500.00; dan 3.6. Keluarga miskin – kadar maksimum RM200.00. Jumlah peruntukan Mayang bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM11.1 juta, tahun 2011 sebanyak RM11.1 juta, tahun 2012 sebanyak RM11.1 juta, tahun 2013 sebanyak RM6.7 juta, dan tahun 2014 juga sebanyak RM6.7 juta. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2015, 2016 dan 2017, JKM tidak lagi menyalurkan peruntukan berkenaan kepada akaun MAYANG memandangkan tiada lagi peruntukan diterima dari Kementerian Kewangan bagi tujuan tersebut. Keadaan tersebut juga menyebabkan pelantikan semula Pengerusi MAYANG tidak dilaksanakan bagi tahun 2015 dan 2016.

